

24 MAY 1996
Mahathir-Anwar
PM NAFI ANWAR LETAK JAWATAN

KUALA LUMPUR, 24 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menafikan laporan yang menyatakan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah meletak jawatan dalam kabinet Kerajaan Persekutuan.

Perdana Menteri berkata, golongan yang menyebarkan berita itu mungkin tidak waras dan mahu para pemimpin Malaysia selalu berada dalam keadaan bercakaran supaya mereka sentiasa ada berita untuk ditulis mengenai negara ini.

"Tak ada apalah. Selagi tak ada masalah di sini mereka tak puas hati. Saya selalu ditanya mengapa Malaysia stabil.

"Mereka cukup tidak senang hati mengapa kita stabil kerana bagi mereka kita tidak sepatutnya stabil," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang sekembalinya dari lawatan kerja 12 hari ke luar negara.

Dr Mahathir diminta mengulas laporan sebuah agensi berita asing dan sebuah akhbar di negara jiran baru-baru ini kononnya Anwar telah menghantar surat perletakan jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

Laporan berita yang dikeluarkan kira-kira dua minggu lepas itu memetik sumber-sumber di pasaran saham kononnya Anwar akan mengumumkan perletakan jawatan tetapi ia kemudiannya dinafikan oleh pejabat Timbalan Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata, golongan yang menyebarkan berita itu cukup tidak senang hati jika melihat beliau dan Anwar tidak bergaduh.

"Kalau boleh saya nak masukkan orang itu ke dalam hospital gila. Dia mesti ada sesuatu yang tak betul," katanya ketika ditanya berkali-kali sama ada benar Anwar telah menghantar surat perletakan jawatan. -- BERNAMA

AH NMO